



Sistem Bahasa

KESALAHAN BAHASA

PRAKTIS 1

Dalam petikan di bawah ini, terdapat empat kesalahan bahasa. Gariskan empat kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.

Laksamana Megat Seri Rama dan angkatan tentera-tentera Johor telah berjaya mengalahkan lanun di laut. Mereka kembali ke Kota Tinggi. Laksamana Megat Seri Rama menerima anugerah dari Sultan Mahmud Syah atas kejayaan beliau itu. Tidak lama kemudian, Laksamana Megat Seri Rama pulang ke rumahnya. Tun Aman memberitahu Laksamana Megat Seri Rama bahawa isterinya, Wan Anum telah sultan bunuh. Hal ini berpunca daripada tindakan Wan Anum yang makan seulas nangka kepunyaan sultan. Laksamana Megat Seri Rama berasa amat marah dan sedih. Bagi Laksamana Megat Seri Rama, hutang darah perlu dibayar dengan darah. Oleh itu, beliau berazam demi untuk membalas dendam kepada sultan.

- (i) angkatan tentera-tentera – _____
- (ii) dari – _____
- (iii) sultan bunuh – _____
- (iv) demi untuk – _____

[8 markah]

PRAKTIS 2

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. **Gariskan** kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ali memberitahu gurunya yang dia tidak dapat menghadiri latihan sukan pada petang ini.

- (ii) Tiap usaha yang dilakukan memerlukan kesungguhan dan ketabahan.

- (iii) Kejadian keracunan makanan berlaku di kedua buah sekolah di daerah itu.

- (iv) "Patik mahu pelabuhan ini disiapkan dengan segera," kata Syahbandar kepada Temenggung.

[8 markah]